

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**HGM 235 – Geografi Penduduk dan Sumber Manusia**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Setiap soalan memberikan 25 markah.

1. [a] Huraikan kegunaan data banci dan perangkaan penting di Malaysia.  
[10 markah]  
  
[b] Merujuk kepada sebuah negara membangun huraikan dapatan banci penduduk terkini bagi negara tersebut.  
[15 markah]
2. [a] Huraikan ciri-ciri utama tiga jenis piramid struktur-umur penduduk.  
[10 markah]  
  
[b] Jelaskan bagaimana ciri-ciri tersebut memberi kesan kepada momentum pertumbuhan penduduk bagi negara-negara yang mempunyai piramid tersebut pada masa hadapan.  
[15 markah]
3. Bincangkan bagaimana kemajuan sosio-ekonomi dan program perancangan keluarga telah berjaya mengurangkan kesuburan di beberapa buah negara di Asia.  
[25 markah]
4. Kejayaan mengurangkan kadar kematian bayi di negara-negara membangun bergantung kepada tumpuan pembangunan dalam mempertingkatkan status wanita dalam bidang pendidikan dan kesihatan. Bincangkan pernyataan ini dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.  
[25 markah]
5. Bincangkan kenapa isu pendatang tanpa izin dan pekerja migran perlu dilihat daripada perspektif kebaikan dan keburukan negara pengirim dan penerima serta kepentingan bersama hasil daripada proses penghijrahan antarabangsa tersebut.  
[25 markah]
6. Huraikan prinsip-prinsip utama teori penduduk Malthus dan jelaskan sejauhmana teori tersebut dapat diaplikasi bagi menangani masalah kependudukan di negara-negara membangun masa kini.  
[25 markah]